

23/09/1998

Anwar cuba guling kerajaan

Pemerhati Peka

SEBENARNYA saya mula bosan membaca akhbar tempatan kerana setiap hari kita asyik disogokkan dengan berita yang sama iaitu isu hangat bekas Timbalan Perdana Menteri yang dikategorikan sebagai tidak bermoral.

Melalui ruangan ini, bukan tujuan saya memberi pandangan atau nasihat untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pada fikiran saya, manusia seperti beliau sudah tidak masuk nasihat lagi dan orang ramai pun sudah muak dengan kerenahnya.

Apa yang ada dalam fikiran beliau sekarang hanyalah memikirkan bagaimana menggulingkan kerajaan walaupun sepatutnya beliau memikirkan cara untuk membersihkan namanya daripada tuduhan amat menjijikkan yang dilemparkan kepada beliau. Itupun kalau beliau benar-benar tidak melakukannya.

Tujuan saya menulis di ruangan ini hanyalah memberi sedikit kesedaran kepada penyokong Anwar. Sedarlah sebenarnya mereka sedang dipergunakan demi kepentingan orang lain. Anwar sebelum ditangkap sanggup menjelajah sehingga ke ceruk kampung demi menagih simpati.

Sepatutnya kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kita dikurniakan pemimpin seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau adalah pemimpin yang memandang jauh ke depan dan tidak pentingkan diri. Kepemimpinannya bersih dan paling mengkagumkan saya adalah kesabaran beliau dalam menangani kerenah `bendahara'nya (meminjam istilah Tun Teja) yang bermulut celupar itu.

Jadi, kenapa ada yang masih sanggup berada di belakang Anwar? Janganlah jadi seperti lalang, hanya menurut arah sang angin tanpa ada pendirian teguh.

Bagaimana Anwar boleh meneguhkan pendirian penyokongnya sedangkan keperibadian beliau sendiri masih rapuh? Apakah ciri-ciri Anwar yang boleh menjadi kebanggaan kita dan seterusnya menjadi ikutan serta teladan untuk generasi akan datang?

Kalau dulu, ketika dalam Kabinet, saya begitu tertarik mendengar ucapan Anwar. Suaranya lantang dan cukup bertenaga. Bersemangat benar bunyinya. Tapi sekarang, lantangnya sahaja yang masih sama tetapi segala kandungan ceramahnya hanya berbau dendam, kebencian dan cara penyampainya pun angkuh dan tidak beradap langsung.

Segala isi ceramahnya hanya dusta. Hari ini cakap lain, esok cakap lain. Belum lagi lusa, tulat dan seterusnya.

Apa yang menjadi kebanggaannya, setiap bait ucapan Anwar akan diselitkan laungan `Allahuakbar' oleh penyokongnya.

Seperkara lagi, janganlah Anwar menyangka beribu-ribu orang yang menghadiri ceramah beliau adalah penyokongnya. Kebanyakan mereka yang hadir ada tujuan tersendiri. Saya juga menghadiri ceramah beliau di Parit Serong, Tanjong Karang beberapa hari lalu.

Tujuan saya menghadiri ceramah itu hanya untuk melihat wajah beliau dari dekat dan pada awalnya sukar saya percayai beliau sanggup melakukan perkara yang memalukan.

Benarlah kata pepatah, `janganlah menilai keperibadian seseorang melalui luarannya saja'. Saya sempat berfikir `inikah Anwar yang sebenarnya'.

Sekali lagi saya menyeru kepada semua, berfikirlah dahulu sebelum memihak kepada kesalahan. Memang benar, Anwar tidak bersalah selagi mahkamah belum mendapatinya bersalah.

Namun, jika Anwar rasa tidak bersalah, tentu beliau akan menyaman mereka yang didakwa menjatuhkannya dan bukan mengadakan gerakan reformasi untuk

mengumpulkan penyokong serta meracuni fikiran rakyat dengan ceramah yang bagaikan cerita dongeng.

Kepada penyokong beliau yang masih setia tetapi sayang untuk melepaskan jawatan dalam Umno dan kerajaan, itu tandanya mereka memang tiada pendirian.

Begitu juga kepada segelintir guru di Kuala Selangor. Jika anda tidak setuju dengan kerajaan, lepaskan jawatan anda kerana guru adalah kakitangan kerajaan.

Mulut celupar dengan memaki hamun kerajaan, tetapi akhir bulan gaji diterima dengan senyum lebar tanpa rasa malu.

Ingatlah, anda dibayar gaji bukan untuk menghina kerajaan dan wang gaji yang anda terima itu adalah wang kerajaan.

Saya sekali lagi bersyukur kerana dikurniakan seorang pemimpin seperti Dr Mahathir. Saya akan terus berdiri di belakang beliau.

Semoga Allah memanjangkan usia beliau dan kebenaran beliau akan terbukti kelak.